

AMALAN KEPIMPINAN ISLAM MENURUT MODEL AL-GHAZALI DALAM
KALANGAN GURU BESAR DAERAH KULAIJAYA, JOHOR

SHAHMILA BINTI ISMAIL

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

AMALAN KEPIMPINAN ISLAM MENURUT MODEL AL-GHAZALI
DALAM KALANGAN GURU BESAR DAERAH KULAIJAYA, JOHOR

SHAHMILA BINTI ISMAIL

Laporan Kajian Ilmiah Ini Dikemukakan
Sebagai Memenuhi Sebahagian Daripada Syarat
Penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan
(Pengurusan Dan Pentadbiran)

Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia

Jun 2013

DEDIKASI

Buatmu bonda & ayahanda yang dirindui
ALLAHYARHAMAH ZURIAH BINTI SHAFIE

&

ALLAHYARHAM ISMAIL BIN YAAKOB

*Doamu, nasihatmu dan pengorbananmu menjadi sinar dan pendorong
serta panduan perjuanganku dalam meniti kehidupan ini ...
al- Fatihah..*

Istimewa buat keluarga yang tercinta,

**ABANG CHAQ & KAK CHAQ, ABANG CHIK & KAK CHIK, KAK TIE &
ABANG MAN, KAK JA & ABAG ZUL, ABANG & KAK LINDA, ATEH &
ABANG DIN, ABANG MAN & ACU...**

*Kasih sayang, kalian sentiasa menjadi pendorong, semangat dan kekuatan untukku
menggapai cita-cita mengejar ilmu*

Istimewa buah anak- anak buah yang disayangi,

**FAIZ, FARHAN, AFIQ, ADNIN, HUSNA, NAWAL, ALLAHYARHAM
MUHAMMAD HAZMI, MUHAMMAD, MIQDAD, SYAQIF, AIDID &
ALLAHYARHAM UMAR HABIB**

*Kasih sayang, kalian sentiasa menjadi pendorong, semangat dan kekuatan untukku
menggapai cita-cita mengejar ilmu dan uda berharap anak-anak uda akan
mencapai kejayaan yang lebih tinggi.. doa uda mengiringin kalian...*

Buatmu pembimbing yang disanjung,

DR. LOKMAN BIN MOHD TAHIR

*Setiap bimbingan, tunjuk ajar dan pengalaman serta jasa yang diberikan terlalu
bernilai dan tidak akan kulupakan selamanya*

Buat teman-teman yang dikasihi,

**KAK RIADAH, SHAHRUL MIZA, DIANA, CHOM, KAK SURIYAH, KAK
MASHI, KAK ROCK, AZUANEE, USTAZ HALIS, ARIF, SUDHA, KAK
SALMAH, KAK SHA, KAK SUZAITA, FAKHRUL, MIZA, HANA, KAK WANIE,
ADAH, KAK SITI DAN TEAM j-QAF SKKP**

*Kejujuran, keikhlasan dan kebersamaan dalam persahabatan ini
akanku kenangi hingga akhir hayat ...*

Setinggi-tinggi terima kasih atas sokongan semua pihak

SEKALUNG PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah s.w.t, saya telah sampai ke destinasi mendalami ilmu di peringkat sarjana ini. Matlamat saya ini tercapai dengan adanya mereka yang hebat yang sentiasa bersama saya dan sentiasa menyokong saya sepanjang pengajian di Universiti Teknologi Malaysia tercinta ini. Saya amat berbesar hati merakamkan sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih kepada insan yang bertanggungjawab membantu merealisasikan cita-cita saya untuk menjalankan kajian saya ini iaitu ***Dr. Lokman Bin Mohd Tahir***, yang sentiasa membimbing, memahami, membantu dan menjadi pemangkin serta sentiasa mencurahkan ilmu yang sangat bernilai sepanjang kajian Projek Sarjana ini dilaksanakan. Saya amat bersyukur kerana telah terpilih menjadi anak didik beliau sepanjang menjalankan kajian di peringkat sarjana ini kerana anugerah yang Allah berikan ini telah membuka laluan ke arah mencapai matlamat saya dalam mencari ilmu. Terima kasih Dr., semoga Allah akan membalas setiap kebaikan dan usaha murni yang diberikan berlipat kali ganda.

Sekalung ucapan penghargaan juga ditujukan kepada Guru- guru SK Kangkar Pulai, SK Kangkar Pulai 2, SK Taman Sri Pulai, SK Pulai Perdana Dan Sk Senai yang sentiasa memberikan kerjasama yang baik sepanjang kajian ini dijalankan.

Tidak ketinggalan juga ucapan terima kasih khas buat pensyarah Program Ijazah Sarjana Pengurusan dan Pentadbiran, UTM iaitu Prof.Madya Dr. Yusof Boon, Prof. Madya. Dr Anuar Abd. Rahman, Dr. M. Al-Muzammil bin Haji Mohd. Yasin, Tn Hj. Hassan bin Husin, Prof. Dr. Ismail bin Khailani , Dr. Mohd. Safarin bin Nordin dan Dr. Amirmudin bin Udin yang sentiasa membimbing dan mencurahkan ilmu yang sangat bernilai kepada saya.

Saya juga dengan rendah hati memohon maaf sekiranya terdapat sebarang kesilapan dan kekurangan dalam kajian sarjana ini. Semoga kajian ini dapat memberi manfaat dan rujukan kepada semua. Sekian, Terima kasih.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti amalan kepimpinan Islam menurut model Al-Ghazali dalam kalangan guru besar di daerah Kulaijaya daripada sudut pandangan atau persepsi guru-guru. Tujuan utama kajian ini dijalankan adalah untuk menganalisis amalan kepimpinan Islam menurut pandangan Al-Ghazali. Ia juga bertujuan untuk melihat sama ada terdapat perbezaan terhadap amalan yang dinyatakan dari sudut pandangan guru-guru dari segi faktor jantina, umur, pengalaman berkhidmat dan tahap pendidikan. Kajian ini dijalankan di daerah Kulaijaya. Sebanyak lima buah sekolah telah dipilih secara rawak. Seramai 182 responden yang terdiri daripada guru yang dipilih dengan menggunakan kaedah persampelan rawak. Instrumen yang digunakan adalah soal selidik. Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru besar di daerah kulaijaya kerap mengamalkan elemen bersederhana dalam kepimpinan. Amalan kepimpinan menurut Model Al-Ghazali yang kurang diamalkan dalam kalangan guru besar adalah elemen sedia berkhidmat. Ujian t menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan faktor jantina dari persepsi guru terhadap amalan kepimpinan guru besar di daerah Kulaijaya. Ujian ANOVA sehala menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan persepsi guru terhadap kepimpinan Islam menurut model Al-Ghazali dalam kalangan guru besar dari segi faktor umur, pengalaman berkhidmat dan tahap pendidikan guru. Di samping itu, dikemukakan juga beberapa cadangan kajian hasil daripada dapatan kajian ini dan juga cadangan susulan untuk kajian yang akan datang.

ABSTRACT

This study based on the application of Islamic leadership according to Al-Ghazali model among teachers in the district of Kulaijaya which emphasize on the view and perceptions of the teacher. The main purpose of this study is to look at the leadership practice of Islamic according to Al-Ghazali's model. It is also to see whether there are differences in the practices based on the point of view given by the teachers in terms of gender, age, working experience and education level. This study, was carried out in Kulaijaya District. A total of five school were randomly selected with the total of 182 teachers were selected as the respondents for the sampling. Instrument used was questionnaire. The results showed that headmasters in the district of Kulaijaya practice moderate elements in the leadership and lack of practice on the exiting elements listed in the model. T-test showed that there were no significant difference or effect on gender of the teachers' when discussing. One way ANOVA showed that there were no differences of the model of Al-Ghazali in terms of age, experiences and level of service of the teacher's education. In additional, some recommendations were made as a result of the research findings and followed by recommendations for the future research.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	HALAMAN
	HALAMAN JUDUL	i
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	SEKALUNG PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xii
	SENARAI LAMPIRAN	xiv
1	PENDAHULUAN	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	8
	1.3 Masalah Kajian	11
	1.4 Objektif Kajian	13
	1.5 Persoalan Kajian	14
	1.6 Hipotesis Kajian	15
	1.7 Kepentingan Kajian	16
	1.8 Batasan Kajian	18
	1.9 Definisi istilah	19
	1.9.1 Amanah	19
	1.9.2 Guru Besar	19
	1.9.3 Kepimpinan	21
	1.9.4 Kepimpinan Dalam Islam	22
	1.10 Penutup	23

2	SOROTAN PENULISAN	24
2.1	Pengenalan	24
2.2	Konsep Kepimpinan Dalam Islam	25
2.3	Kepimpinan Menurut Al-Ghazali	27
2.3.1	Kepimpinan Mengikut Teks Nasihat Al-Muluk.	30
2.3.2	Kepimpinan Menurut Kitab Al-Iqtisad	33
2.4	Ciri-Ciri Pemimpin Dalam Islam	41
2.5	Syarat-Syarat Kepimpinan Dalam Islam	47
2.6	Kajian-Kajian Lepas	50
2.6.1	Kajian-Kajian Lepas Dalam Negara	51
2.6.2	Kajian-Kajian Lepas Luar Negara	54
2.7	Penutup	55
3	METODOLOGI KAJIAN	56
3.1	Pengenalan	56
3.2	Rekabentuk Kajian	57
3.3	Tempat Kajian	58
3.4	Populasi dan Sample Kajian	58
3.5	Instrumen Kajian	59
3.5.1	Bahagian A: Latar Belakang Responden	60
3.5.2	Bahagian B : ciri-ciri kepimpinan menurut Al-Ghazali	61
3.6	Kesahan Soal Selidik	62
3.6.1	Keboleh Percayaan Soal Selidik	63
3.7	Kajian Rintis	64
3.8	Analisa Data	66
3.8.1	Analisa diskriptif	67
3.8.2	Statistik Inferensi	68
3.8.2.1	Analisa Ujian t	68

	3.8.2.1 Analisa Ujian ANOVA	69
3.9	Prosedur Kerja	70
3.10	Penutup	72
4	ANALISIS DATA	73
4.1	Pengenalan	73
4.2	Latar Belakang Responden	75
4.3	Amalan Kepimpinan Islam Menurut Model Al-Ghazali Dalam kalangan Guru Besar	78
4.4	Amalan Kepimpinan Guru Besar Mengikut Model Al-Ghazali	71
	4.4.1 Persoalan Kajian 1 : Untuk Mengenal Pasti Tahap Kepimpinan Islam Menurut Model Al – Ghazali Yang Diamalkan Oleh Guru Besar Daerah Kulaijaya?	80
	4.4.2 Persoalan Kajian 2 : Untuk Mengenal Pasti Amalan Kepimpinan Islam Menurut Model Al-Ghazali Yang Paling Kerap Diamalkan Oleh Guru Besar Daerah Kulaijaya	90
	4.4.3 Persoalan Kajian 3 : Untuk Mengenal Pasti Amalan Kepimpinan Islam Menurut Model Al-Ghazali Yang Paling Kurang Diamalkan Oleh Guru Besar Daerah Kulaijaya.	92
4.5	Hasil Ujian Hipotesis	93
	4.5.1 Hipotesis 1: Tidak Terdapat Perbezaan Yang Signifikan Antara Perbezaan Persepsi Guru Terhadap Amalan Kepimpinan Islam Menurut Model Al-Ghazali Di Kalangan Guru Besar Daerah Kulaijaya Berdasarkan Faktor Jantina	94
	4.5.2 Hipotesis 2: Tidak Terdapat Perbezaan Yang Signifikan Antara Perbezaan Persepsi Guru	

	Terhadap Amalan Kepimpinan Islam Menurut Model Al-Ghazali Dikalangan Guru Besar Daerah Kulaijaya Berdasarkan Faktor Umur.	95
4.5.3	Hipotesis 3: Tidak Terdapat Perbezaan Yang Signifikan Antara Perbezaan Persepsi Guru Terhadap Amalan Kepimpinan Islam Menurut Model Al-Ghazali Dikalangan Guru Besar Daerah Kulaijaya Berdasarkan Faktor Pengalaman Berkhidmat	96
4.5.4	Hipotesis 4: Tidak Terdapat Perbezaan Yang Signifikan Antara Antara Perbezaan Persepsi Guru Terhadap Amalan Kepimpinan Islam Menurut Model Al-Ghazali Dikalangan Guru Besar Daerah Kulaijaya Berdasarkan Faktor Tahap Pendidikan	97
4.6	Ringkasan Keseluruhan Analisa Data Persoalan Kajian	98
5	PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN	101
5.1	Pendahuluan	101
5.2	Ringkasan Dapatan Kajian	103
5.3	Perbincangan	105
5.3.1	Perbincangan Hasil Kajian Latar Belakang Responden	106
5.3.2	Amalan Kepimpinan Yang Paling Kerap Di Amalkan	107
5.3.3	Amalan Kepimpinan Yang Kurang Di Amalkan	111
5.3.4	Perbincangan Hasil Dapatan Hipotesis Kajian	113
5.4	Cadangan	117
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	118
5.6	Penutup	120

RUJUKAN	123-135
LAMPIRAN	136- 143

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Bilangan Responden Mengikut Sekolah	59
3.2	Pengukuran Skala Liket Markat	60
3.3	Taburan Item Bahagian B	61
3.4	Pekali Saiz Alpha Cronbach	63
3.5	Nilai Kebolehpercayaan <i>Alpha Cronbach</i> Bagi Setiap Amalan	65
3.6	Kaedah Analisa Persoalan Kajian Bagi Mendapat Objektif Kajian	66
3.7	Jadual Interpretasi Skor Min	67
3.7	Penentuan Hipotesis Nol Berdasarkan Nilai Signifikan	69
4.1	Bilangan Soal Selidik	74
4.2	Taburan Kekeperan Dan Peratusan Responden Mengikut Jantina	75
4.3	Taburan Kekeperan Dan Peratusan Responden Mengikut Umur	76
4.4	Taburan Kekeperan Dan Peratusan Responden Mengikut Pengalaman Berkhidmat	76
4.5	Taburan Kekeperan Dan Peratusan Responden Mengikut Tahap Pendidikan	77
4.6	Taburan Kekeperan Dan Peratusan Responden Mengikut Gred Jawatan	78
4.7	Statistik Deskriptif Bagi Penyataan Guru Besar Meletakkan Diri Sebagai Penerima	80
4.8	Taburan Responden Mengikut Peratusan Dan Min Bagi Penyataan Sedia Berkhidmat	81
4.9	Statistik Deskriptif Bagi Penyataan Guru Besar Meletakkan Bagi Elemen Bersederhana	82

4.10	Taburan Responden Mengikut Peratus Dan Min Bagi Penyataan Tenang Dalam Melaksanakn Tugas	82
4.11	Taburan Responden Mengikut Peratus Dan Min Bagi Penyataan Adil Dalam Melaksanakan Tugas	83
4.12	Taburan Responden Mengikut Peratus Dan Min Bagi Penyataan Mendahulukan Syara'	84
4.13	Statistik Deskriptif Bagi Item Berdamping Dengan Orang Alim	85
4.14	Statistik Diskriptif Bagi Item Menunaikan Hak Tanpa Menuntut Hak Sendiri.	86
4.15	Taburan Responden Mengikut Peratus Dan Min Bagi Penyataan Tegas Dalam Melaksanakan Tanggungjawab Sebagai Pemimpin	87
4.16	Taburan Responden Mengikut Peratus Dan Min Bagi Penyataan Mengumpul Maklumat Sebelum Membuat Keputusan	88
4.17	Tahap Elemen Amalan Kepimpinan Islam Menurut Model Al-Ghazali Dikalangan Guru Besar Daerah Kulaijaya	89
4.18	Statistik Deskriptif Yang Paling Kerap Diamalkan	90
4.19	Statistik Deskriptif Yang Paling Kurang Diamalkan	92
4.20	Min Dan Nilai Signifikan Bagi Perbezaan Persepsi Dari Segi Jantina	94
4.21	Min Dan Nilai Signifikan Bagi Perbezaan Persepsi Amalan Kepimpinan Islam Menurut Model Al-Ghazali Di Kalangan Guru Besar Dari Segi Faktor Umur	95
4.22	Min Dan Nilai Signifikan Bagi Perbezaan Persepsi Tentang Amalan Kepimpinan Islam Menurut Model Al-Ghazali Di Kalangan Guru Besar Dari Segi Pengalaman Berkhidmat	96
4.23	Min dan Nilai Signifikan Bagi Perbezaan Persepsi Tentang amalan kepimpinan Islam menurut model Al-Ghazali di kalangan guru besar Dari Segi tahap pendidikan guru.	97
4.24	Keseluruhan Data Analisa Persoalan Kajian	98

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Borang Soal selidik	136
B	Surat Kebenaran Menjalankan Penyelidikan (Fakulti Pendidikan, UTM)	141
C	Surat Kebenaran Menjalankan Penyelidikan (Jabatan Pelajaran Negeri Johor)	142
D	Surat Kelulusan Menjalankan Kajian (Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia)	143

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Dalam nas al-Qur'an dan Hadis menunjukkan tentang siapa pemimpin, tugas dan tanggung jawabnya, dan juga mengenai sifat-sifat dan perilaku yang harus dimiliki seorang pemimpin.

Firman Allah dalam Surah Al-Baqarah : 30

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلٰٓئِكَةِ اِنِّيْ جَاعِلٌ فِى الْاَرْضِ خَلِيْفَةً ۗ قَالُوْۤا اَتَجْعَلُ فِيْهَا مَنْ يُفْسِدُ فِيْهَا وَيَسْفِكُ

الدِّمَآءَ وَحَنُ نُّسۡبِحُ بِحَمْدِكَ وَتُقَدِّسُ لَكَ ۗ قَالَ اِنِّيْۤ اَعْلَمُ مَا لَا تَعْلَمُوْنَ ﴿٣٠﴾

Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada Malaikat; "Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi". mereka bertanya (tentang hikmat ketetapan Tuhan itu Dengan berkata): "Adakah Engkau (Ya Tuhan kami) hendak menjadikan di bumi itu orang Yang akan membuat bencana dan menumpahkan darah (berbunuh-bunuhan), padahal Kami sentiasa bertasbih Dengan memujiMu dan mensucikanMu?". Tuhan berfirman: "Sesungguhnya Aku mengetahui akan apa Yang kamu tidak mengetahuinya". (Al-Baqarah :30)

Dalam ayat di atas jelas, bahawa manusia adalah pemimpin di muka bumi, sehingga Allah memerintahkan semua ciptaannya untuk patuh dan taat, bahkan Malaikat pun diperintahkan untuk tunduk pada manusia (Adam)

Justeru itu, kepemimpinan yang baik adalah sebagaimana kepemimpinan model Rasulullah, iaitu dengan musyawarah sebagaimana firman Allah SWT.

فِيمَا رَحْمَةٍ مِّنَ اللَّهِ لِنْتَ لَهُمْ ۗ وَلَوْ كُنْتَ فَظًّا غَلِيظَ الْقَلْبِ لَانفَضُّوا مِنْ حَوْلِكَ فَاعْفُ

عَنْهُمْ وَاسْتَغْفِرْ لَهُمْ وَشَاوِرْهُمْ فِي الْأَمْرِ ۗ فَإِذَا عَزَمْتَ فَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ ۚ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُتَوَكِّلِينَ ﴿١٥٩﴾

Maksudnya :

Maka Dengan sebab rahmat (yang melimpah-limpah) dari Allah (kepadamu Wahai Muhammad), Engkau telah bersikap lemah-lembut kepada mereka (sahabat-sahabat dan pengikutmu), dan kalaulah Engkau bersikap kasar lagi keras hati, tentulah mereka lari dari kelilingmu. oleh itu maafkanlah mereka (mengenai kesalahan Yang mereka lakukan terhadapmu), dan pohonkanlah ampun bagi mereka, dan juga bermesyuaratlah Dengan mereka Dalam urusan (peperangan dan hal-hal keduniaan) itu. kemudian apabila Engkau telah berazam (Sesudah bermesyuarat,

untuk membuat sesuatu) maka bertawakal kepada Allah, Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang Yang bertawakal kepadaNya. (Ali 'Imran :159)

Dari ayat tersebut dinyatakan bahawa seorang pemimpin harus memiliki sifat lemah lembut dalam menghadapi orang yang di pimpinnya. Ini kerana dengan bersifat lemah lembut orang yang dipimpin mudah untuk mengikut apa yang diperintahnya.

Namun begitu, sikap tegas dan terhadap kemungkaran juga harus diterapkan dalam kepimpinan, sebagaimana Allah menyatakan dalam surah Al-Fath : 29

مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ ^ع وَالَّذِينَ مَعَهُ أَشِدَّاءُ عَلَى الْكُفَّارِ رُحَمَاءُ بَيْنَهُمْ ^ط تَرَاهُمْ رُكَّعًا سُجَّدًا يَبْتَغُونَ فَضْلًا
 مِّنَ اللَّهِ وَرِضْوَانًا ^ط سِيمَاهُمْ فِي وُجُوهِهِمْ مِّنْ أَثَرِ السُّجُودِ ^ع ذَلِكَ مَثَلُهُمْ فِي التَّوْرَةِ ^ع وَمَثَلُهُمْ فِي
 الْإِنْجِيلِ كَزَرْعٍ أَخْرَجَ شَطْئَهُ فَفَازَرَهُ فَاسْتَغْلَظَ فَاسْتَوَىٰ عَلَىٰ سُوقِهِ يُعْجِبُ الزُّرَّاعَ لِيغِيظَ بِهِمُ
 الْكُفَّارَ ^ط وَعَدَّ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ مِنْهُمْ مَغْفِرَةً وَأَجْرًا عَظِيمًا ^{١١٠}

Nabi Muhammad (s.a.w) ialah Rasul Allah; dan orang-orang Yang bersama dengannya bersikap keras dan tegas terhadap orang-orang kafir Yang (memusuhi Islam), dan sebaiknya bersikap kasih sayang serta belas kasihan kasihan sesama sendiri (umat Islam). Engkau melihat mereka tetap beribadat rukuk dan sujud, dengan mengharapkan limpah kurnia (pahala) dari Tuhan mereka serta mengharapkan keredaanNya. Tanda yang menunjukkan mereka (sebagai orang-orang Yang soleh) terdapat muka mereka - dari kesan sujud (dan Ibadat mereka Yang ikhlas). Demikianlah sifat mereka Yang tersebut di dalam Kitab Taurat; dan sifat mereka di dalam Kitab Injil pula ialah: (bahawa mereka diibaratkan) sebagai

pokok tanaman Yang mengeluarkan anak dan tunasnya, lalu anak dan tunasnya itu menyuburkannya, sehingga ia menjadi Kuat, lalu ia tegap berdiri di atas (pangkal) batangnya dengan keadaan Yang mengagumkan orang-orang Yang menanamnya. (Allah menjadikan sahabat-sahabat Nabi Muhammad, s.a.w dan pengikut-pengikutnya kembang biak serta kuat gagah sedemikian itu) kerana ia hendak menjadikan orang-orang kafir merana dengan perasaan marah dan hasad dengki . Dengan kembang biaknya umat Islam itu. (dan selain96. dan (Tuhan berfirman lagi): sekiranya penduduk negeri itu, beriman serta bertaqwa, tentulah Kami akan membuka kepada mereka (pintu pengurniaan) Yang melimpah-limpah berkatnya, dari langit dan bumi. tetapi mereka mendustakan (Rasul kami), lalu Kami timpakan mereka Dengan azab seksa disebabkan apa Yang mereka telah usahakan. itu) Allah telah menjanjikan orang-orang Yang beriman dan beramal soleh dari mereka, keampunan dan pahala Yang besar.

Dari pernyataan di atas, jelas bahawa konsep kepemimpinan di dalam ajaran Islam hanya berdasar musyawarah dan mufakat, namun demikian ada suatu perintah yang tidak boleh lagi dimusyawarahkan dalam memutuskan sesuatu iaitu dalil-dalil yang qoth'i.

Menurut konsep Al-Qur'an, bahwa seorang pemimpin harus memiliki beberapa persyaratan sebagai berikut : Pertama ,beriman dan bertaqwa. (Al-A'raf : 96)

وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرَىٰ ءَامَنُوا وَاتَّقَوْا لَفَتَحْنَا عَلَيْهِم بَرَكَاتٍ مِّنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ وَلَٰكِن

كَذَّبُوا فَأَخَذْنَاهُم بِمَا كَانُوا يَكْسِبُونَ ﴿٩٦﴾

Bermaksud :

dan (Tuhan berfirman lagi): sekiranya penduduk negeri itu, beriman serta bertaqwa, tentulah Kami akan membuka kepada mereka (pintu pengurniaan) Yang

melimpah-limpah berkatnya, dari langit dan bumi. tetapi mereka mendustakan (Rasul kami), lalu Kami timpakan mereka Dengan azab seksa disebabkan apa yang mereka telah usahakan.

Kedua, berilmu pengetahuan, dalam surah Al-Mujadalah : 11

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا اِذَا قِيْلَ لَكُمْ تَفَسَّحُوْا فِى الْمَجْلِسِ فَاَفْسَحُوْا يَفْسَحِ اللّٰهُ لَكُمْ ^ط

وَ اِذَا قِيْلَ اذْشُرُوْا فَاذْشُرُوْا يَرْفَعِ اللّٰهُ الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا مِنْكُمْ وَالَّذِيْنَ اٰتُوْا الْعِلْمَ دَرَجٰتٍ ^ج

وَاللّٰهُ بِمَا تَعْمَلُوْنَ خَبِيْرٌ ﴿١١﴾

Bermaksud :

Wahai orang-orang Yang beriman! apabila diminta kepada kamu memberi lapang dari tempat duduk kamu (untuk orang lain) maka lapangkanlah seboleh-bolehnya supaya Allah melapangkan (segala halnya) untuk kamu. dan apabila diminta kamu bangun maka bangunlah, supaya Allah meninggikan darjat orang-orang Yang beriman di antara kamu, dan orang-orang Yang diberi ilmu pengetahuan ugama (dari kalangan kamu) - beberapa darjat. dan (ingatlah), Allah Maha mendalam pengetahuannya tentang apa Yang kamu lakukan.

Ketiga, mampu menyusun perancangan dengan baik (Al-Hasyr : 18)

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا اتَّقُوا اللّٰهَ وَ لَتَنْظُرَ نَفْسٌ مَّا قَدَّمَتْ لِغَدٍ ^ط وَ اتَّقُوا اللّٰهَ اِنَّ اللّٰهَ

خَبِيْرٌ بِمَا تَعْمَلُوْنَ ﴿١٨﴾

Bermaksud :

Wahai orang-orang Yang beriman! bertaqwalah kepada Allah (dengan mengerjakan suruhanNya dan meninggalkan laranganNya); dan hendaklah tiap-tiap diri melihat dan memerhatikan apa Yang ia telah sediakan (dari amal-amalnya) untuk hari esok (hari Akhirat). dan (sekali lagi diingatkan): bertaqwalah kepada Allah, Sesungguhnya Allah amat meliputi pengetahuannya akan Segala Yang kamu kerjakan.

Keempat, memiliki kekuatan mental melaksanakan kepemimpinan. (Al-baqarah : 147)

أَلْحَقُّ مِنْ رَبِّكَ ^ص فَلَا تَكُونَنَّ مِنَ الْمُمْتَرِينَ

Bermaksud :

Kebenaran (yang datangnya kepadamu dan disembunyikan oleh kaum Yahudi dan Nasrani) itu (Wahai Muhammad), adalah datangnya dari Tuhanmu; oleh itu jangan sekali-kali Engkau termasuk dalam golongan orang yang ragu-ragu.

Kelima, memiliki kesedaran dan tanggungjawab moral, serta boleh menerima kritikan. (Ash-Shaf:147)

Bermaksud :

atau adakah kamu mendapat akuan-akuan yang ditegaskan dengan sumpah dari kami, yang tetap hingga hari kiamat, menentukan bahawa kamu dapat mencapai apa yang kamu putuskan

Fungsi utama kepemimpinan dalam Islam ialah melaksanakan syariat Allah S.W.T serta meninggalkan segala larangannya. Menurut Ibn Taymiyyah, Kepimpinan adalah sebesar-besar kewajipan dalam Islam. Manakala menurut

Hamka, Pemimpin perlu melengkapkan diri dengan tiga perkara iaitu akal, ilmu dan mantik (logik). Pemimpin juga perlu menjauhi enam perkara iaitu sempit hati, terburu-buru, hasad, hawa nafsu, bohong, dan meninggalkan mesyuarat.

Konsep kepimpinan menurut perspektif Islam yang bersumberkan Al-Quran, Hadis dan ijmak ulamak seperti yang dinyatakan oleh Imam Al-Ghazali dan Al-Farabi berhubung kepimpinan mencakupi maksud Hadis Rasulullah s.a.w. yang bermaksud :

Sesungguhnya Islam itu tinggi dan tidak ada yang lebih tinggi dari Islam.

Persoalannya, sejauh mana amalan kepimpinan Islam diamalkan oleh guru besar dalam memimpin sekolah menurut pandangan imam Al-Ghazali. Justeru itu, kajian ini dijalankan untuk mendapatkan jawapan.

1.2 Latar Belakang Masalah

Kepimpinan merupakan persoalan yang sering dibincangkan dalam kalangan fuqaha Islam. Persoalan kepimpinan amat penting kerana islam melihat kepimpinan ini sebagai asas kejayaan dunia dan akhirat. Dalam konteks yang lebih global kepimpinan bermula pada zaman Rasulullah s.a.w merupakan model kepimpinan Islam, yang seterusnya disambung oleh khulafa' al-Rasyidin, kerajaan Bani Umaiyyah, Bani Abbasiyyah hingga kepada kerajaan terakhir Uthmaniah.

Konsep kepimpinan secara jelas dikupas oleh kebanyakan ayat-ayat al-Quran dan hadis-hadis Rasulullah s.a.w. Seterusnya ia terus dibincangkan secara terperinci oleh kebanyakan fuqaha islam yang membuktikan bahawa ia satu topik terpenting dalam syariat islam. Imam al-Ghazali juga tidak terkecuali daripada membincangkan isu mengenai kepimpinan. Beliau juga telah menyatakan dalam tulisannya mengenai ciri-ciri kepimpinan dalam Islam.

Kepimpinan menurut perpektif Islam bukanlah suatu kedudukan yang boleh dianggap istimewa atau perlu direbut-rebut kerana ia sebenarnya lebih bersifat amanah. Rasulullah saw pernah mengingatkan Abu Dzar Al-Ghifiri yang memohon diberi suatu jawatan mentadbir wilayah Islam dalam sabdanya:

Maksudnya :

Sesungguhnya kepimpinan itu adalah suatu amanah, pada hari kiamat ia merupakan kehinaan dan penyesalan kecuali bagi mereka yang menunaikan amanahnya dengan sempurna seperti yang telah dipertanggungjawabkan.

Kepimpinan melibatkan keupayaan seseorang pentadbir atau pengurus di setiap peringkat pengurusan untuk mendorong, mempengaruhi, membawa dan menggunakan setiap sumber organisasi (manusia, benda dan perkara) supaya saling berperanan atau masing-masing berfungsi ke arah pencapaian objektif yang telah ditentukan. Kepimpinan juga melibatkan usaha merangsang pekerja bawahan untuk berperanan supaya matlamat dapat dicapai, menentukan visi dan hala tuju organisasi dipatuhi dan menjadi penghubung atau juru bicara organisasi.

Dalam kepimpinan sekolah guru besar adalah pemimpin dan diberi tanggungjawab serta amanah untuk memimpin sekolah dengan cekap, berwibawa dan berkualiti. Oleh itu, kepimpinan yang berkualiti oleh seorang pemimpin dapat mempengaruhi orang bawahannya ke arah gerak kerja yang cemerlang. Maka contoh pemimpin yang berwibawa dan patut dicontohi hanya ada pada pimpinan junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w. Seperti mana yang kita sedia maklum Rasulullah s.a.w merupakan seorang pemimpin yang berakhlak mulia dan diiktiraf sebagai ketua yang berintegriti. Nabi Muhammad s.a.w sentiasa bersikap adil terhadap segala urusan pentadbirannya tidak kira di dalam hal ehwal negara, agama, dan keluarga sekalipun. Jadi contoh teladan melalui kepimpinan Rasulullah s.a.w amat perlu kita ikuti sebagai bimbingan ke arah menjadi pemimpin yang adil.

Imam Al-Ghazali pernah berpesan mengenai kepimpinan guru terhadap muridnya yang perlu dititik beratkan iaitu, pertama, kasihan dan bertimbangrasa terhadap muridnya supaya terselamat daripada malapetaka. Kedua, memandu muridnya ke jalan yang diredhai syara'. Ketiga, tidak membiarkan muridnya menerima sebarang nasihat yang tidak baik dari orang lain. Keempat, mengingatkan dengan baik kepada muridnya mengenai bahaya akhlak yang tidak baik. Kelima, mengingatkan muridnya jangan merendah-rendahkan ilmu yang lain yang tidak dipelajarinya. Keenam, menyampaikan ilmu mengikut kadar kemampuan murid. Ketujuh, kepada murid yang tercicir berilah kepadanya penjelasan yang sesuai sehingga jangan menimbulkan kebosanan belajar kepadanya. Dan yang terakhir hendaklah guru beramal dengan ilmunya.

Imam Al-Ghazali menerangkan bahawa perkataan "hendaklah ada di antara kamu" merupakan pemerintah, yang zahirnya menunjukkan wajib, perkataan "mereka itulah orang yang beruntung" menunjukkan Fardhunya tugas tersebut yang merupakan fardhu kifayah iaitu bila mana sebahagian umat melaksanakan terlepaslah kewajipan ke atas yang lain. Sepertimana firman Allah dalam surah At-taubah : 71

وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاءُ بَعْضٍ يَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ

وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ الزَّكَاةَ وَيُطِيعُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ أُولَئِكَ سَيَرْحَمُهُمُ اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ

عَزِيزٌ حَكِيمٌ

Maksudnya:

Dan orang-orang yang beriman lelaki dan perempuan sebahagian mereka adalah menjadi penolong bagi sebahagian yang lain. Mereka menyuruh yang ma'ruf dan menegah yang mungkar. Mendirikan sembahyang (Al-Taubah: 71)

Namun begitu, kecemerlangan organisasi sekolah berkait dengan kredibiliti dan kualiti diri yang dimiliki guru besar. Namun, peranan guru besar semakin berubah selari dengan tuntutan dan perubahan dunia, ekoran daripada tekanan globalisasi dan kemajuan yang begitu pesat dalam bidang pendidikan. Oleh demikian, guru besar perlu bersedia membina kualiti diri dan kemahiran dalam menghadapi perubahan serta cabaran pendidikan yang semakin kompleks dalam abad ke-21. Justeru itu kepimpinan dalam islam adalah yang paling fleksibel untuk diamalkan oleh guru besar.

1.3 Penyataan Masalah

Pada masa kini, terdapat banyak kajian mengenai kepimpinan dalam Islam, namun kajian kepimpinan berdasarkan al- ghazali amatlah kurang. Ini mungkin kerana al-gazali bukanlah tokoh kepimpinan dalam Islam. Al-Ghazali juga terkenal sebagai penulis dalam bidang Falsafah dan fiqh. Namun begitu Al-Ghazali juga telah menghasilkan tulisan mengenai kepimpinan. Justeru itu pengkaji amatlah berminat untuk mengkaji kepimpinan mengikut ajaran al-ghazali. Untuk itu, hasil karya imam Al-Ghazali *Al-Tibr al-Masbuk fi Nasihat al-Mulk* dan *Al- Iqtisad Fi Al- I'tiqad* menjadi rujukan utama dalam kajian ini.

Masyarakat meletakkan harapan yang tinggi kepada sekolah dalam usaha melahirkan warga yang berkualiti iaitu berilmu, bermoral serta berkemahiran tinggi (Donaldson 2006). Bagi merealisasikan impian negara, guru besar adalah yang dipertanggungjawabkan untuk memimpin sekolah supaya berfungsi dengan lebih teratur dan berkesan. Namun begitu, isu kecekapan kepemimpinan guru besar dalam memimpin sekolah merupakan isu yang jarang dibincangkan dalam kajian kepimpinan di bandingkan dengan isu kelemahan kepimpinan guru besar di sekolah. Menurut Fullan (2001), Deal dan Peterson (2000), dan Abdul Shukor Abdullah (2004) di dalam Lokman Mohd Tahir Hamdan Said, Rosni Zamuddin Shah Sidek, M. Al-Muzammil Yassin, Sanitah Mohd Yusof (2009) mendedahkan bahawa terdapat beberapa kelemahan dalam kepemimpinan pengetua yang berupaya mengendalikan pengurusan sekolah untuk berfungsi dengan berkesan. Antara kelemahan utama adalah stail kepemimpinan guru besar yang sentiasa merujuk kepada model birokratik menyebabkan mereka kabur tentang peranan mereka sebagai pemimpin yang perlu menjana komitmen guru terhadap sekolah.

Dalam hal ini juga, Azlin Norhaini Mansor (2006), Foo Say Fooi (2003) dan Daresh (2001) menyuarakan kebimbangan mereka kerana masih terdapat ramai guru besar yang masih mendokong model pengurusan klasik sebagai model terbaik untuk

mengurus sekolah. Akibatnya, mereka cenderung kepada gaya kepemimpinan autokratik menerusi peraturan formal, mengabaikan kehendak psikologi guru, terlalu mengutamakan pencapaian akademik dan mengenyepikan peranan sebagai pemimpin yang dapat menjana modal insan yang berkualiti untuk tujuan pembangunan pendidikan (Chan Yuen Fook 2004; Herbert 2006). Justeru itu, pengkaji ingin melihat sejauh manakan guru besar mengamalkan kepemimpinan dalam Islam mengikut ajaran Al-Ghazali.

Kecemerlangan sekolah sering menjadi kayu pengukur terhadap fungsi dan peranan seseorang guru besar. Selain itu, Hussein (2007) menjelaskan ketidak cekapan dan ketidak berkesan pengurusan dan kepimpinan menjadi agenda dalam ciri kepimpinan etika dan moral. Peningkatan kes salah laku atau disiplin akan menular apabila ramai guru besar tidak mempunyai ciri personaliti yang berkualiti dalam diri mereka. Maka dengan ini, menunjukkan kepimpinan Islam ini perlu wujud dalam diri guru besar, ini kerana kepimpinan Islam paling relevan digunakan sepanjang zaman. Al-quran dan sunnah adalah panduan hidup manusia yang diturunkan oleh Allah. Berdasarkan persoalan dan permasalahan yang dikemukakan, fokus utama kajian ini adalah untuk menghuraikan amalan kepimpinan guru besar berdasarkan kepimpinan Islam menurut model Al-Ghazali.

1.4 Objektif Kajian

Secara umumnya kajian ini dijalankan, ia bertujuan untuk menganalisis sejauh manakah amalan kepimpinan Islam menurut model Al-Ghazali dalam kalangan guru besar daerah Kulaijaya.

Objektif secara khusus :

1. Untuk mengenal pasti tahap kepimpinan Islam menurut model Al – Ghazali yang diamalkan oleh Guru Besar Daerah Kulaijaya
2. Untuk mengenal pasti amalan kepimpinan Islam menurut model Al-Ghazali yang paling kerap diamalkan oleh guru besar Daerah Kulaijaya.
3. Untuk mengenal pasti amalan kepimpinan Islam menurut model Al-Ghazali yang paling kurang diamalkan oleh guru besar Daerah Kulaijaya.
4. Untuk mengenal pasti perbezaan persepsi guru terhadap amalan kepimpinan Islam menurut model Al-Ghazali dalam kalangan guru besar Daerah Kulaijaya berdasarkan faktor jantina.
5. Untuk mengenal pasti perbezaan persepsi guru terhadap amalan kepimpinan Islam menurut model Al-Ghazali dalam kalangan guru besar di Daerah Kulaijaya berdasarkan faktor umur

6. Untuk mengenal pasti perbezaan persepsi guru terhadap amalan kepimpinan Islam menurut model Al-Ghazali ddalam kalangan guru besar di Daerah Kulaijaya berdasarkan faktor pengalaman berkhidmat guru.
7. Untuk mengenal pasti perbezaan persepsi guru terhadap amalan kepimpinan Islam menurut model Al-Ghazali ddalam kalangan guru besar di Daerah Kulaijaya berdasarkan faktor tahap pendidikan guru.

1.5 Persoalan Kajian

1. Apakah persepsi guru terhadap tahap kepimpinan Islam menurut model Al – Ghazali yang diamalkan oleh Guru Besar Daerah Kulaijaya?
2. Apakah persepsi guru terhadap amalan kepimpinan Islam menurut model Al-Ghazali yang paling kerap diamalkan oleh guru besar Daerah Kulaijaya?
3. Apakah persepsi guru terhadap amalan kepimpinan Islam menurut model Al-ghazali yang paling kurang diamalkan oleh guru besar Daerah Kulaijaya?
4. Adakah terdapat perbezaan persepsi yang signifikan terhadap amalan kepimpinan Islam menurut model Al-Ghazali dalm kalangan guru besar Daerah Kulaijaya berdasarkan faktor jantina?
5. Adakah terdapat perbezaan persepsi yang signifikan terhadap amalan kepimpinan Islam menurut model Al-Ghazali ddalam kalangan guru besar di Daerah Kulaijaya berdasarkan faktor umur ?

6. Adakah terdapat perbezaan persepsi yang signifikan terhadap amalan kepimpinan Islam menurut model Al-Ghazali dalam kalangan guru besar di Daerah Kulaijaya berdasarkan faktor pengalaman berkhidmat guru ?
7. Adakah terdapat perbezaan persepsi yang signifikan terhadap amalan kepimpinan Islam menurut model Al-Ghazali dalam kalangan guru besar Daerah Kulaijaya berdasarkan faktor tahap pendidikan ?

1.6 Hipotesis Kajian

Untuk menjawab objektif kajian keempat hingga ketujuh, hipotesis nul telah dibina seperti berikut:

- Ho1: Tidak terdapat perbezaan persepsi dalam kalangan guru di daerah Kulaijaya mengikut jantina terhadap amalan kepimpinan Islam menurut model al-Ghazali yang diamalkan oleh guru besar.
- Ho2: Tidak terdapat perbezaan persepsi dalam kalangan guru di daerah Kulaijaya mengikut umur terhadap amalan kepimpinan Islam menurut model al-Ghazali yang diamalkan oleh guru besar.
- Ho3: Tidak terdapat perbezaan persepsi dalam kalangan guru di daerah Kulaijaya mengikut pengalaman berkhidmat terhadap amalan kepimpinan Islam menurut model al-Ghazali yang diamalkan oleh guru besar.

Ho4: Tidak terdapat perbezaan persepsi dalam kalangan guru di daerah Kulaijaya mengikut tahap pendidikan terhadap amalan kepimpinan Islam menurut model al-Ghazali yang diamalkan oleh guru besar.

1.7 Kepentingan Kajian

Secara umum, kajian ini mempunyai beberapa kepentingan yang dapat dijadikan panduan oleh guru besar dalam menjalankan tugas sebagai pemimpin mengikut perspektif Islam berdasarkan kepimpinan Al-Ghazali.

Dapatan kajian ini, diharapkan mampu memberi manfaat dan pemahaman berkaitan amalan kepimpinan islam mengikut ciri kepimpinan Al-Ghazali. Kajian ini juga, diharap dapat membantu guru besar menilai semula kekuatan dan kelemahan setiap kepimpinan yang dilaksanakan selama ini melalui penemuan empirikal dan kajian terperinci. Kesannya guru besar akan memperolehi ilmu baru dan panduan terutamanya ketika mengamalkan kepimpinan berlandaskan syara' seperti yang dituntut dalam Islam dan supaya guru besar dapat memimpin sekolah dengan cekapnya.

Kajian ini dilakukan sebagai satu usaha untuk menambah pengetahuan mengenai kepimpinan Al-Ghazali yang diamalkan oleh guru besar. Sebelum ini, ramai yang tidak perasan bahawa Al-Ghazali juga turut memberi sumbangan dalam penulisan mengenai kepimpinan. Kajian ini juga, boleh dijadikan alternatif untuk

penyelesaian masalah berkaitan amalan kepimpinan guru besar dengan menggunakan kepimpinan Islam menurut pandangan Al-Ghazali.

Hasil kajian ini juga berupaya menjadi rujukan kepada guru besar, bagaimanana melaksanakan kepimpinan dan meningkatkan tahap kecekapan kepimpinan. Maklumat yang diperolehi dari kajian ini juga dapat membantu guru besar menilai semula kepimpinan yang dilaksanakan sebelum ini. Dalam hai ini, guru besar berupaya meningkatkan kecekapan dan kualiti dalam kepimpinan.

Dengan hasil kajian ini juga diharapkan guru besar dapat mengamalkan 10 ciri kepimpinan Al-Ghazali. 10 ciri kepimpinan Al-Ghazali adalah meletakkan diri sebagai penerima (orang yang di perintah), sedia berkhidmat, kesederhanaan, tenang dalam melaksanakan kerja, memuaskan semua pihak, mendahulukan syara', berdampingan dengan sarjana warak atau orang alim, menunaikan hak tanpa menuntut hak sendiri, tegas dengan perkara yng bercanggah dan mengumpul maklumat sebelum memuat keputusan. Semoga hasil kajian ini dapat memberi manfaat pada semua yang membaca.

1.8 Batasan Kajian

Kajian ini dilaksanakan untuk meninjau amalan kepimpinan Al-Ghazali dikalangan Guru Besar. Faktor masa menjadi batasan kepada pengkaji untuk menjalankan kajian ini. Pengkaji hanya membuat kajian berdasarkan kemampuan sendiri, maka hanya sekolah-sekolah Kebangsaan yang berada di bawah pentadbiran Pejabat Pelajaran Daerah Kulaijaya sahaja dilibatkan dalam kajian ini.

Kajian ini hanya melibatkan guru sekolah kebangsaan sahaja sebagai responden dan tertumpu pada satu daerah sahaja. Secara umumnya, amalan kepimpinan Al-Ghazali berbeza di antara individu, sekolah dan persekitaran atau kawasan yang berlainan. Oleh itu, dapatan kajian ini tidak dapat menggambarkan secara keseluruhan kepimpinan Al-Ghazali di kalangan semua sekolah rendah mahupun sekolah menengah.

Di samping itu, instrumen yang dipilih untuk kajian ini ialah soal selidik. Oleh itu, dapatan kajian ini adalah bergantung sepenuhnya kepada keupayaan responden menggunakan persepsi dan daya ingatan mereka tentang sesuatu faktor atau perkara yang diselidik. Sehubungan itu, pengkaji membuat andaian bahawa responden akan memberi maklumat yang tepat secara ikhlas dan jujur semasa menjawab soal selidik yang diberikan. Kesahan dan kebolehpercayaan kajian ini adalah berdasarkan andaian tersebut.

Dalam kajian ini, pengkaji hanya menumpukan kepada ciri-ciri kepimpinan Al-Ghazali. Selain itu, pengkaji juga melihat sejauhmanakah amalan kepimpinan Al-Ghazali diamalkan dan melihat perbezaan anatara guru besar yang mengamalkan kepimpinan Al-Ghazali dengan yang tidak mengamalkan dalam kepimpinannya.

1.9 Definisi Istilah

Dalam bahagian inu akan diperjelaskan beberapa istilah dan konsep yang menjadi asas tema kajian yang dijalankan. Definisi istilah dan konsep yang diterangkan dalam bahagian ini merupakan istilah dan konsep yang bersesuaian dengan konteks kajian ini.

1.9.1 Amalan

Kamus Dewan Edisi Keempat menakrifkan kata amalan ialah sesuatu yg dilakukan dilaksanakan, dikerjakan, dan sebagainya sebagai suatu kebiasaan. Dalam kajian ini, amalan membawa maksud kebiasaan atau cara kepemimpinan guru besar memimpin.

1.9.2 Guru besar

Dalam banyak hal, Guru Besar sekolah ialah individu yang paling penting dan berpengaruh di sesebuah sekolah. Dia ialah orang yang bertanggungjawab terhadap semua aktiviti yang berlaku di sekolah. Kepimpinannya ialah yang menetapkan nada sekolah, iklim pembelajaran, tahap profesionalisme dan moral guru serta darjah keprihatinan terhadap masa depan pelajar (Roseblum dan Hussein Mahmood 1993).

Menurut Ibrahim Mamat (1998), Guru Besar ialah orang yang mengetuai atau memimpin sesebuah sekolah. Pada diri seorang guru besar itu sebenarnya terdapat ciri-ciri ketua dan ciri-ciri orang tua. Sabri Salleh (1998) menyatakan Guru Besar merupakan orang yang bertanggungjawab untuk mengambil inisiatif bagi menggerakkan perubahan di sekolahnya. Penampilan seorang guru besar yang hebat dan disegani berkait rapat dengan stail kepimpinan yang dipaparkan.

Dalam institusi sekolah, guru besar merupakan pemimpin, pentadbir dan pengurus yang melaksanakan pelbagai fungsi dan perlu cekap dan bijak untuk melaksanakan tugas kepimpinan tersebut. Kualiti kepimpinan yang tinggi adalah sangat diperlukan untuk mengurus dan mentadbir sekolah bagi melahirkan generasi berkualiti (Musa 2002). Tercapai atau tidak visi dan misi pendidikan yang dihasratkan bergantung kepada kecekapan guru besar dalam mengurus sumber utama di sekolah.

Kajian-kajian pengurusan sekolah mendapati bahawa sekolah-sekolah yang mencapai kejayaan yang tinggi dalam bidang akademik dipimpin oleh guru besar yang mempunyai sifat sifat kepimpinan yang berkesan (Atan Long et al 1990; Dunford et al. 2000; Shahril 2000; Jamil Ahmad dan Norlia Goolamally 2007). Manakala dalam kajian-kajian sekolah berkesan, kemampuan seseorang untuk mencapai kejayaan ke arah kecemerlangan dipengaruhi oleh tret, tingkah laku dan tindakan-tindakan yang diambalnya (Davis & Thomas 1989). Walaupun guru besar boleh melaksanakan dan menggabungkan pelbagai gaya kepimpinan dalam pentadbiran dan pengurusan sekolah ke arah kecemerlangan tetapi ciri asas yang perlu ada pada mereka adalah kualiti peribadi atau tret yang akan menjadikan mereka lebih stabil dan *resilient* (Norlia & Jamil 2007).

1.9.3 Kepimpinan

Konsep kepimpinan telah dikaji dengan meluas sejak pertengahan abad ke 20. Lebih daripada 350 definisi kepimpinan dinyatakan George & Jones (2000) dan beribu-ribu kajian empirikal telah dijalankan berhubung dengan kepimpinan. Menurut kajian Jamil Ahmad dan Norlia Goolamally (2007), kepimpinan merupakan satu indikator utama dalam menentukan kejayaan sesebuah organisasi. Sesungguhnya, pemimpin yang berwibawa adalah salah satu faktor yang penting dalam menentukan kejayaan sesebuah organisasi (Bass 1990). Lebih ekstrem lagi ada juga yang berpendapat bahawa sesebuah masyarakat, negara atau organisasi yang tidak mempunyai pemimpin yang berwibawa maka masyarakat, negara atau organisasi tersebut tidak akan kekal lama (Locke et al. 1991).

Mengikut pengertian yang mudah, kepimpinan adalah kemampuan mempengaruhi individu atau sesuatu kumpulan untuk mencapai matlamat kumpulan atau organisasi. Menurut Yukl (2002) kepimpinan selalunya dikaitkan dengan proses struktur, kuasa, mendorong, merangsang, sumber ilham, menentu matlamat, mencipta wawasan dan tanggungjawab memberikan motivasi kepada mereka yang berada di bawah pimpinannya. Dalam erti kata lain, kepimpinan ialah kebolehan seorang pemimpin untuk menarik orang lain untuk mengikut apa yang dihajati tanpa sebarang paksaan. Ianya merupakan aspek penting dalam kehidupan organisasi kerana pemimpin membantu menunjukkan arah tujuan dan menentukan aktiviti-aktiviti yang perlu dilakukan oleh orang bawahannya bagi memastikan matlamat organisasi tercapai (Noraini dan Ahmad 2011).

1.9.4 Kepimpinan Dalam Islam

Kepimpinan menurut Islam berteraskan konsep khalifah iaitu setiap manusia adalah pemimpin yang bertanggungjawab memimpin dirinya, keluarga dan ahli-ahli di bawahnya,

Kamu sekalian adalah pemimpin dan kamu akan ditanya tentang rakyat yang dipimpinmu. (Riwayat Bukhari Muslim 1528).

Oleh yang demikian tugas utama pemimpin menurut Islam bukanlah untuk mempengaruhi para pengikutnya sebagaimana diterangkan oleh banyak pengarang Barat, tetapi untuk menegakkan ummah dan melaksanakan sistem kehidupan kerana Allah menurut nilai-nilai Islam (Yusof Ismail 1991). Namun begitu dalam kajian ini, kepimpinan dalam islam difokuskan kepada kepimpinan Islam menurut Al-Ghazali.

1.10 Penutup

Dalam bab ini telah diuraikan dan dijelaskan perkara-perkara yang menjadi asas dan hala tuju kajian ini. Di dalam bahagian objektif Kajian, pengkaji telah menetapkan matlamat-matlamat yang hendak dicapai di akhir kajian ini. Persoalan-persoalan kajian turut ditentukan berdasarkan objektif-objektif yang telah ditetapkan terlebih dahulu. Kemudian, beberapa hipotesis nul turut dibentuk berdasarkan objektif-objektif dan persoalan-persoalan kajian.

Diharapkan kajian ini dapat memberi manfaat yang berguna kepada guru besar Sekolah Kebangsaan Daerah Kulaijaya. Kajian ini turut dibataskan skopnya agar ia mudah dan munasabah untuk dilakukan.

RUJUKAN

- Abas Zubbri (2001). *Persepsi Guru Terhadap Gaya Kepimpinan Guru Besar Sekolah Kebangsaan Gred A Daerah Kubang Pasu, Kedah*. Tesis Ijazah Sarjana. Universiti Utara Malaysia.
- Abas Awang & Balasundran A. Ramaiah. (2002). *Peranan pengetua & guru besar dalam menentukan kecemerlangan akademik pelajar*. Kertas Kerja Seminar Nasional Pengurusan dan Kepemimpinan Pendidikan Ke 11. Anjuran nstitut Aminuddin Baki, Kementerian Pendidikan Malaysia. Genting Highlands, 16 – 19 Disember
- Ab. Majid Salleh (2008). *Persepsi Guru-Guru Terhadap Gaya Kepimpinan guru Besar Di Empat Buah Sekolah Rendah Di Daerah Hulu Terengganu*. Tesis Ijazah Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia.
- Abd. Kadir Nordin. 2000. *Gaya kepemimpinan pengetua cemerlang di dua buah Sekolah Menengah Kebangsaan di Negeri Sembilan*. Tesis Sarjana Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Shukur Abdullah. (2004). *Ucap utama Seminar Nasional Pengurusan Kepemimpinan Pendidikan Ke 12*. Kertas Kerja Seminar Nasional Pengurusan dan Kepemimpinan Pendidikan Ke 12. Anjuran Institut Aminuddin Baki, Kementerian Pendidikan Malaysia. Genting Highlands, 14 – 17 Julai .
- Abdullah Sani Yahya, Abdul Rashid Mohamed, Abdullah Ghani (2007). *Guru Sebagai Pemimpin*. PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Abdullah Sani Yahaya (2005). *Mengurus Sekolah*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.

- Abu Hamid Muhammad bin Muhamma al-Thusi al-Ghazali. (2003). *Al-Iqtishad fii al Itiqad*, Beirut: Dar al-Qutaibah,
- Abu Hamid al-Ghazali, *Al-Tibr al-Masbuk fii Nasihat al-Muluk*, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah
- Adnan Abead, (2006). A Study Of Islamic Leadership Theory And Practice In K-12 Islamic Schools In Michigan. Tesis Doktor Falsafah. Bringham Young University.
- Ahmad Kilani Mohamed (2003). *Pengurusan Pendidikan Di Sekolah Huraian Menurut Perspektif Islam*. Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Ahmad Konting (1990). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka
- Ahmad Redzuwan Muhammad Yunus (2000). *Pengantar Kepimpinan Islam*. Pusat Pengajian Jarak Jauh: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ainon Mohd (2003). *Teori Dan Teknik Kepimpinan*, Pahang : PTS Publications.
- Aizzat Mohd. Nasuruddin, Intan Osman dan Zainal Ariffin Ahmad (2006). *Pengantar Pengurusan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Al-Bukhari, M. I. I. (1994). *Summarized Sahih Al-Bukhari: Arabic-English* (M.M. Khan, Trans). Riyadh, Saudi Arabia: Dar-us-Salam Publications.
- Al-Buraey, M. (1985). *Administrative Development: An Islamic Perspective*. London, UK: KPI.
- Ahmad Syarbasi, *Al-Ghazali wa al-Tasawwuf al-Islami* Kairo: Dar al-Hilal

- Al-Ghazali, Abu Hamid, Muhammad Bin Ahmad (2000). *Ihya' Ulumuddi*
Kaherah: Dar al-Taqwa li al-Turath.
- Al-Qura'an al-Karim,1990. *Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Qur'an*,
Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.
- Alimuddin Mohd Dom (1996). *Outstanding Leaders: Membina Sekolah Cemerlang*.
Selangor: Sektor Penaziran Kepimpinan Institusi Pendidikan Jemaah Nazir
Sekolah.
- Altalib, H. (1999). *Training Guide For Islamic Workers*. Herndon, Virginia: IIIT &
IIFSO. Al-Amal School. (2003), February 1). Al-Amal School's Mission.
Diakses pada 1 Mac 2012, dari <http://.al-amal.org/OurMission.html>
- Aminuddin Mohd Yusof (1994). *Kepimpinan, Motivasi dan Prestasi: Model Guru
dan Tentera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Aminudin Moh. Yusof (1990). *Kepimpinan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan
Pustaka.
- Ariffin Ba'ada (2001). Komunikasi dalam kepimpinan pengetua dan kesannya
kepada kepuasan kerja guru. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Kebangsaan
Malaysia.
- Arkib Berita (2010). *Ucapan Pembentangan Rancangan Malaysia Kesepuluh
(RMKe-10) Oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak*. Berita Harian.
- Arkib Utusan (1999). *Pemimpin Perlu Merancang Jika Mahukan Negara Maju*.
Utusan Malaysia. Diakses pada 14 April 2013, dari
<http://www.utusan.com.my/utusan/info>
- Atan Long (1998) *Psikologi Pendidikan* . Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan
Pustaka

- Atan Long, Ishak Rejab, Abdul Aziz Sultan, Mohd Nor Long, Mohd Sahari Nordin, Nik Ahmad Hisham Ismail, Ratnawati Ashraf & Rosnani Hashim. (1991). *Faktor-faktor yang menyumbang kepada peningkatan kemajuan sekolah-sekolah: kajian kes*. Kertas kerja seminar latihan mengajar antara universiti kali ke-7. Kuala Lumpur : Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Azizi Yahaya, Halimah Maalip, Nordin Yahaya dan Lim Ting Theng (2011). Hubungan Gaya Kepimpinan Guru Besar Dengan Faktor-Faktor Kepimpinan di Sekolah Cemerlang. *Jurnal Pengurusan Pendidikan* . (1): 48-70
- Azlin Norhaini Mansor.(2006). Amalan pengurusan pengetua: satu kajian kes. Tesis Dr. Falsafah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Baharom Mohamad, Jamaludin Hashim, Ahmad Esa, Rafiza Hassan (2008). Amalan Membuat Keputusan Dalam Kalangan Guru Besar: *Seminar Kebangsaan Jawatankuasa Penyelarasan Pendidikan Guru (JPPG 2008)*, 13-15 Disember 2008, Bayview Hotel, Langkawi, Malaysia.
- Bass, B. M. (1985). *Leadership And Performance Beyond Expectations*. New York: Free Press.
- Bass, B.M, & Avolio, B. J. (1994). *Increasing Organizational Effectiveness Through Transformational Leadership*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Beekun, R. I. & Badawi, J. (1999). *Leadership: An Islamic Perspective*. Beltsville, Maryland: Amana Publications.
- Bity Salwana Alias (2008). *Kompetensi Pengetua Sekolah Menengah Malaysia Dalam Bidang Pengurusan Kurikulum*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Chua Yan Piaw (2008). *Kaedah Dan Statistik Penyelidikan. Buku 3*. Kuala Lumpur, Malaysia: McGraw Hill Education.

- Chan Yuen Fook. 2004. *Kepemimpinan transformasional dan inovasi pendidikan. Kertas Kerja Seminar Nasional Pengurusan dan Kepemimpinan Pendidikan Ke 12*. Anjuran Institut Aminuddin Baki, Kementerian Pendidikan Malaysia. Genting Highlands, 14 – 17 Julai
- Chowdbury, N. (2001). Leadership Strategies And Global Unity For The 21st Century: An Islamic Perspective. *Paper presented at the IGS-ICOJ International Confrence On Leadership And Unity In Islam*, Kobe, Japan: Writers Club Press.
- Daresh, J. 2001. *Beginning the principalship: a practical guide for new school leaders*. Ed. Ke 2. Thousand Oaks: Corwin Press.
- Deal, T., & Peterson, K. 2000. *The Leadership paradox: balancing logic and artistry in schools*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Daud Mamat (2011). *Amalan Pengurusan Ketua Panitia Pendidikan Islam di Sekolah Rendah Zon Nusajaya*. Tesis Ijazah Sarjana, Universiti Teknologi Malaysia.
- Dunford, J., Fawcett, R., & Bennett, D. 2000. *School leadership*. London: Kogan
- Donaldson, G. 2006. *Cultivating leadership in schools: connecting people, purpose and practice*. New York: Teachers College Press.
- Edmonds, R. (1979). *Search For Effective Schools. The Identification And Analysis Of City Schools: Are Instructionally Effective For Poor Children*. Dalam Hussein Mahmood (1993). *Kepimpinan Dan Keberkesanan Sekolah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Fiedler, F.E. (1967). *A Theory Of Leadership Effectiveness*. New York: McGraw Hill
Francisco: Josey Bass.
- Fullan, M. 2001. *Leading in a culture of change*. San Francisco: Jossey-Bass.

- Foo Say Fooi. 2003. Pengurusan dan keberkesanan sekolah. Dalam Zaidatol Akmaliah Lope Pihie & Foo Say Fooi (pnyt.). *Pengurusan dan kepemimpinan pendidikan: satu langkah ke hadapan*. hlm 166 – 180. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Hadari Nawawi (1993). *Kepimpinan yang efektif*. Yogyakarta: Gadjah mada University Press.
- Hairul Anuar Mohd Idris (2011). Kompetensi Mengurus Guru Besar Cemerlang di Sekolah Rendah Daerah Kulajaya. Tesis Ijazah Sarjana. Universiti Teknologi Malaysia.
- Hassan al bana (1989). *Tanggungjawab pemimpin Islam*. Kuala Lumpur : karya media
- Hassan Hushin dan Ab. Majid Salleh (2011) *Persepsi Guru-Guru Terhadap Gaya Kepimpinan Guru Besar Di Empat Buah Sekolah Rendah Di Daerah Hulu Terengganu*. Laporan Projek. Universiti Teknologi Malaysia. Tidak Diterbitkan
- Hebert, E. 2006. *“The boss of the school” : effective leadership in action*. New York: Teachers College Press.
- Hidris Shaari (2007). Persepsi Pelajar terhadap Amalan Prinsip Dan Ciri Kepimpinan Islam Di Kalangan Guru-Guru. Satu Kajian Di Sekolah Menengah Tinggi Agama, Johor. Tesis Ijazah Sarjana. Universiti Teknologi Malaysia.
- Hisham Altalib (1992). *Panduan Latihan Bagi Petugas Islam*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Hussein Mahmood (1993). *Kepimpinan Dan Keberkesanan Sekolah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ibnu Khaldun, *Kitab al'Ibar wa Daiwa al-Mubtada wa al-Khabar* Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah

Ibrahim, .A. B (1996). Preliminary exploitations of indigenou perspectives of educational management: The evolving Malaysian experience. *Journal of Educational Administration*, 34(5), 50-73.

Ishak Sin (2004). Apakah yang tertulis dalam khazanah tulisan ilmiah tentang trait, tingkah laku dan tindakan yang diperlukan untuk menjadi seorang pengetua yang berkesan? *Kertas Kerja Seminar Nasional Pengurusan dan Kepemimpinan Pendidikan Ke 12*. Anjuran Institut Aminuddin Baki, Genting Highlands, 6 – 9 Disember.

Imam Al-Ghazali. *Ihya' Ulumuddin*, Beirut: Dar Kutub al-Ilmiyah

Jabnoun, N. (1994). *Islam And Management*. Kuala Lumpur, Malaysia: Institut Kajian Dasar (IKD).

Jamil Ahmad & Norlia Goolamally. (2008). *Pentadbiran dan Pengurusan Sistem Pendidikan Malaysia Ke Arah Pendidikan Berkualiti*. Open University Malaysia.

Jelani Harun (peny), (2006) *Nasihat al-Muluk - Nasihat kepada Raja-Raja*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kamaluddin Nurdin Murjani. (2009). *"Mauqif az-Zaidiyah wa Ahli Sunnah min al-Aqidah al-Isma'iliyah wa Falsafatuha Bierut: Darul Kutub al-Ilmiyah, Bairut-Lebanon,*

Kamarudin Hj. Kachar (1989). *Siri Pengurusan Pendidikan: Strategi Pentadbiran Pendidikan*. Kuala Lumpur: Teks Publishing Sdn. Bhd.

Kamus Dewan Bahasa Dan Pustaka (1992). Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

- Koontz, H. O'Donnell & Weinrich, H. (1982). *Management*. Edisi Ke-8, New York: McGraw Hill.
- Lapidus, Ira M. (1984). *Knowledge, Virtue, and Action: The Classical Muslim Conception of Adab and the Nature of Religious Fulfillment in Islam in Metcalf*. California: University Of California Press.
- Likert, R. (1967). *The Jinwan Organization: It's Management and Volves*. New York: Mc Graw Hill.
- Lokman Mohd Tahir dan Robiah Sidin (2008). Orientasi Kepimpinan Pengetua Sekolah Menengah Di Johor: Satu Analisis. *Jurnal Teknologi*. 48(E):85-97.
- Lokman Mohd Tahir, Hamdan Said, Rosni Zamuddin Shah Sidek, M. Al-Muzammil Yassin, Sanitah Mohd Yusof (2009). Analisa Kepimpinan Pengetua Sekolah Menengah Di Johor. Laporan Projek, Universiti Teknologi Malaysia.
- Masribanun Duki dan Ab. Halim Tamuri (2006). Perspektif Islam Terhadap Kepimpinan Dalam Pendidikan. *Jurnal Pendidikan Islam*. Jilid (12): 21-34.
- Masnur Hamzah (2010). *Quranic leadership : seni memimpin gaya Al-Quran*. Selangor: PTS Islamika.
- Malarvily A/p Marimuthu (2012). Tahap Amalan Kepimpinan Transformasional Dalam Kalangan Guru Besar Di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Di Zon Tenang Dan Zon Chaah Bekok, Daerah Segamat. Tesis Ijazah Sarjana. Universiti Teknologi Malaysia.
- McGregor D. (1966). *Leadership and Motivation*. Dalam Ainon Mohd (2005). *Teori dan Teknik Kepimpinan: Panduan Aplikasi di Tempat Kerja*. Pahang: PTS Professional.

- McNulty, B., Walters, T., & Marzano, R. (2005). *School Leadership That Works: From Research To Results*. Virginia: Association For Supervision And Curriculum Development.
- Michael H. Hart (1978). *The 100: A Ranking Of The Most Influential Persons In History*. The University of Michigan. Hart Pub. Co.
- Mohd. Dzul Khairi Mohd. Noor (2007). Memperkasa Modal Insan Dalam Sistem Pendidikan. *Artikel Akhbar*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohamad Hafif Bajuri (2008). Personaliti Dan Amalan Sifat Rasulullah S.A.W Terhadap Kaunselor Islam Di Sekolah Menengah. Tesis Ijazah Sarjana. Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohamad Taruddin *et al.* (2000). *Nilai-nilai cemerlang kepimpinan Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Mohd. Amin Salih (1991). *Kepimpinan Menurut Islam Dalam* Shafie Mohd. Salleh & Mohd. Affandi Hassan. *Kecemerlangan Pentadbiran: Dasar Dan Amalan Dalam Islam*. Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam Negara.
- Mohd Majid Konting (1990). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Mohd Majid Konting (2000). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Najib Abd Ghaffar (1999). *Kaedah Penyelidikan*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Suhaimi Mohamed Ali. (2004) Amalan kepemimpinan pengajaran pengetua sekolah menengah luar bandar. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Putra Malaysia.

- Mohd Syed Salleh (1998). Hubungan Di Antara Gaya Kepimpinan Penyelia Dengan Komitmen Pekerja Di Organisasi. Tesis Ijazah Sarjana. Universiti Teknologi Malaysia.
- Mona Liza Nek Mat (2012). Persepsi Guru-guru Terhadap Gaya Kepimpinan Guru Besar dengan Pembentukan Iklim Di Sekolah Rendah daerah Segamat. Tesis Ijazah Sarjana. Universiti Teknologi Malaysia.
- Muslim, A. H. (9th Century). *Sahih Muslim*. Diakses pada 5 April 2013, dari <http://hadith.al-islam.com/bayan/>
- Musa Sulaiman & Amidin Zain. 2000. Keperolehan: cabaran dan penentu halatuju dalam bingkai pendidikan. *Jurnal pengurusan pendidikan Institut Aminuddin Baki*. 10 (02) : 93 – 111.
- Nazri Mahmood (2008). Amalan Kepimpinan Transformasi Guru Besar Dan Pengetua dua Buah Sekolah Di Daerah Batu Pahat, Johor. Tesis Ijazah Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia.
- Noran Fauziah Yaakub dan Ahmad Mahdzan Ayub (1993). *Guru Dan Perguruan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norhannan Ramli (2006). Gaya Kepimpinan Pengetua Wanita dan Hubungannya dengan Tahap Motivasi Guru Sekolah Menengah. *Jurnal Pendidikan*. Jilid (31): 53-69.
- Nor Hayati Alwi (2001). *Konsep Pembangunan Insan dalam Pendidikan*. *Kearah Pembangunan Manusia Berkualiti*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Norlia Goolamally & Jamil Ahmad. 2006. Kajian pengetua kanan: satu penilaian. Kertas kerja seminar nasional pengurusan dan kepemimpinan pendidikan ke 13. Anjuran Institut Aminuddin Baki. Genting Highlands, 4 hingga 8 Disember.

- Norlidah Saian (2000). *Meninjau Amalan Kepimpinan Pengetua Di Sekolah Menengah Perempuan Sultan Ibrahim, Johor Bahru*. Tesis Ijazah Sarjana. Universiti Teknologi Malaysia.
- Omar Abdul (2011). *Pemimpin Dan Kepimpinan Menurut Perspektif Islam*. *Artikel*. Jabatan Pendidikan Maktab Perguruan Melayu. Melaka
- Omardin Ashaari (1996). *Pengurusan Sekolah- Satu Panduan Lengkap*. Kuala Lumpur: Utusan Publication.
- Othman Yahya, Nor 'Azlin Salamun, Ahmad Nawawi Shaari, Jamalul Lail Abdul Wahab (2011). *Tahap Amalan Pengurusan Sumber Manusia dan Kepuasan Guru di Sekolah Rendah Agama Negeri Selangor*. *Jurnal Pendidikan Dan Latihan*. Jilid (3):57
- Ralph M. Stogdill (1948). *Personal Factors Associated With Leadership: A Survey Of The Literature*. *Journal Of Psychology*. 25(1), hal 35-71.
- Razali Mat Zin (1996). *Kepimpinan Dalam Pengurusan*, Kuala Lumpur. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Ribbins, P. (1995). *Principal And Principalship: Toward A Context Based Approach To The Study Of School Leadership*. *Jurnal Pengurusan Pendidikan*. Kementerian Pendidikan Malaysia. 4 (2): 89-100
- Robiah K. Hamzah (2001). *Teknik Dan Strategi Membimbing Remaja Dalam Kepimpinan*; Kuala Lumpur. Percetakan Cergas.
- Rojieyah Zakaria (2009). *Ciri-ciri Kepimpinan Pengetua Yang Dikehendaki Oleh Guru-Guru*. Tesis Ijazah Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia.
- Saeful Anwar. (2007). *Filsafat Ilmu Al-Ghazali Dimensi Ontologi dan Aksiologi* Bandung: Pustaka Setia,

- Shafie Hj. Mohd Salleh, Mohd Affendi Hassan (1990). *Kecemerlangan Pentadbiran, Dasar Dan Amalan Dalam Islam*. Kuala Lumpur: INTAN.
- Sibawaihi. (2004). *Eskatologi al-Ghazali dan Fazlur Rahman* Yogyakarta: Islamika
- School Of Graduate Studies (2007). *UTM Thesis Manual July 2007*. Diakses pada 10 Mac 2013, dari http://portal.psz.utm.my/psz/images/stories/pdf/utm_thesis_manual_2007.pdf
- Sulaiman Dunya (1971) *al-Haqiqah fi al-Nazr Ind al-Ghazali* Kairo: Dar al-Ma'arif
- Syahrul Nizam Md. Nordin (2010). *Amalan Kepimpinan Lestari (Sustainable Leadership) Guru Besar Di Daerah Pontian*. Universiti Teknologi Malaysia. Tesis Ijazah Sarjana.
- Tajuddin Abi Nasr 'Abd al-Wahhab ibn Ali ibn Abd al-Kafi as-Subki, (1968)*Tabaqat asy-Syafi'iyah al-Kubra* . Kairo: Isa al-Babi al-Halabi,
- Tinah Naim (2007). *Gaya Kepimpinan Pengetua Dan Hubungannya Dengan Stres Guru Di Sebuah Daerah Di Negeri Johor*. Tesis Ijazah Sarjana. Universiti Teknologi Malaysia.
- Triola, M.F. & Franklin, L. A. (1994). *Business Statistics*. USA: Addison-Wesley Publishing Company.
- Vishalache Balakrishnan (2005). *Work ethics and empowerment within Malaysian schools*. Kertas Kerja 2nd Asia Pacific Business Conference. Anjuran Universiti Teknologi Mara. Putrajaya, 1 – 3 September.
- Wan Mohd Zahid Noordin (1994). *Wawasan Pendidikan agenda pengisian*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.

Weller, D.L. (1998). "Unlocking the Culture for Quality Schools. Reengineering".
International Journal of Education Management. 12 (6): 250-259

Wiersma, W. (1995). *Research Methods In Education*. USA: Allyn And Bacon.

Yukl, G.A (2006). *Leadership In Organizations*, Prcentage-Hall, Inc, Erylewood
Cliffs, New Jersey.

Yusof Ismail (1991). *Mengurus secara Islam : model and prinsip-prinsip
pengurusan Islam bagi individu dan organisasi*, AS Noodeen . Kuala
Lumpur